



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGARUH FAKTOR BUKAN AKADEMIK  
TERHADAP MINAT DAN PENGUASAAN TATABAHASA  
BAHASA MELAYU DI KALANGAN  
PELAJAR PRAUNIVERSITI**

**ABDUL RASHID BIN DAING MELEBEK**

**FPP 1997 27**

**PENGARUH FAKTOR BUKAN AKADEMIK  
TERHADAP MINAT DAN PENGUASAAN TATABAHASA  
BAHASA MELAYU DI KALANGAN  
PELAJAR PRAUNIVERSITI**

**Oleh  
ABDUL RASHID BIN DAING MELEBEK**

**Tesis dikemukakan sebagai memenuhi keperluan bagi  
mendapatkan Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

**April 1997**



## DEDIKASI

Ayahanda dan bonda yang telah pergi...  
Alfatihah!

Para guru yang dihormati  
Yang mengajarku berbahasa Melayu

Isteri yang dikasihi  
Juga kaunselor peribadi  
Yang begitu memahami  
Sepanjang masa mendampingi

Anak-anak yang kian mengerti...  
Mohd. Fauzee, Mohd. Faiz dan Mohd Fahmi  
Kini sedang belajar bahasa sendiri.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana telah menganugerahi kekuatan, kesihatan tubuh badan dan fikiran kepada saya untuk menjalankan kajian dan menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua penyelia, iaitu Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood, Dr. Abd. Majid Md. Isa dan Tuan Haji Arbak Othman yang telah berusaha menunjuk ajar, membimbing, memberi nasihat dan membantu saya dari segala aspek tanpa mengira waktu dan tempat sepanjang penulisan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Penolong Pendaftar, Pengajian Siswazah UPM, iaitu En. Aziz Bashir dan penggantinya Pn. Arbaiyah, En. Ramli Bashir di Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Ahli-ahli Jawatan Kuasa Penyemak, Pengetua Sekolah Menengah Seri Indah, iaitu Cik Genevieve Kong, Pengetua-pengetua sekolah responden, Pusat Komputer UPM, Perpustakaan UPM, UKM, UM dan orang perseorangan yang terlibat terutama sekali isteri yang sentiasa berada di belakang saya sepanjang penulisan ini.

Semoga Allah dapat membalas segala jasa baik yang telah diberikan itu dan memberkati penulisan ini untuk dimanfaatkan bersama.



## KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	4
Kepentingan Kajian	6
Objektif Kajian	7
Objektif Umum	7
Objektif Khusus	8
Hipotesis Kajian	8
Batasan Kajian	8
Definisi Operasional	9
Jantina	9
Ras	10
Status Sosio Ekonomi	10
Latar Belakang Tempat Tinggal Pelajar	11
Minat	11
Penguasaan Tatabahasa	11
Pelajar Prauniversiti	13
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	<b>14</b>
Teori Linguistik Deskriptif	14
Teori Linguistik Behaviorisme	15
Teori Linguistik Transformasi Generatif	16
Sorotan Kajian Lalu	26
Pengaruh Jantina Terhadap Penguasaan Tatabahasa Pelajar	33
Pengaruh Ras Terhadap Penguasaan Tatabahasa Pelajar	35
Pengaruh Status Sosio Ekonomi Terhadap Penguasaan Tatabahasa Pelajar	38
Pengaruh Latar Belakang Tempat Tinggal Terhadap Penguasaan Tatabahasa Pelajar	39
Pengaruh Jantina, Ras, Status Sosio Ekonomi dan Latar Belakang Tempat Tinggal Terhadap Minat Pelajar	45



<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	47
	Krangka Teoritikal	47
	Persampelan	47
	Populasi Kajian	47
	Sampel	49
	Tempat Kajian	49
	Instrumen Kajian	51
	Jenis Instrumen	51
	Kesahan Instrumen	52
	Kebolehpercayaan Instrumen	52
	Pemprosesan dan Penganalisan Data	53
<b>IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	56
	Latar Belakang Responden	56
	Aspirasi dan Permasalahan Pelajar	57
	Pengaruh Faktor Demografi Ke Atas Penguasaan	
	Keseluruhan Tatabahasa Bahasa Melayu	57
	Pengaruh Jantina	58
	Pengaruh Ras	59
	Pengaruh Status Sosio Ekonomi	60
	Pengaruh Tempat Tinggal	62
	Pengaruh Faktor Demografi Terhadap Minat Pelajar	63
	Pengaruh Jantina	63
	Pengaruh Ras	64
	Pengaruh Satus Sosio Ekonomi	66
	Pengaruh Tempat Tinggal	67
	Analisis Karangan Pelajar	67
<b>V</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	73
	Pendahuluan	73
	Rumusan Kajian Keseluruhan	73
	Perbincangan Kajian	75
	Pengaruh Faktor Bukan Akademik Terhadap	
	Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu	75
	Pengaruh Faktor Bukan Akademik Terhadap	
	Minat Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu	77
	Cadangan	78
	Faktor Jantina	78
	Faktor Ras	78
	Faktor Status Sosio Ekonomi	79
	Faktor Tempat Tinggal	79

BIBLIOGRAFI	80
LAMPIRAN	90
Lampiran A	
Lampiran B	
Lampiran C	
Lampiran D	
Lampiran E	
Lampiran F	



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Penguasaan Bahasa Melayu Mengikut Jantina, Ras, Status Sosio Ekonomi Sederhana dan Lokasi Desa	19
2	Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Mengikut Ras, Status Sosio Ekonomi Tinggi dan Lokasi Bandar	19
3	Struktur Ayat Berimbuhan Me kan	22
4	Peratus Kesalahan Ejaan Oleh Mahasiswa	33
5	Bilangan Calon STPM 1995	48
6	Taburan Kekekapan Markat Tatabahasa Secara Keseluruhan	58
7	Perbezaan Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Prauniversiti Berdasarkan Jantina	59
8	Perbezaan Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Prauniversiti Berdasarkan Ras	59
9	Kumpulan Ras Pelajar	59
10	Pembahagian Tahap Status Sosio Ekonomi	61
11	Taburan Markat Tatabahasa Mengikut Status Sosio Ekonomi	61
12	Perbezaan Status Sosio Ekonomi Terhadap Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Prauniversiti	62
13	Perbezaan Latar Belakang Tempat Tinggal Di Kalangan Pelajar Prauniversiti Terhadap Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu	63
14	Perbezaan Jantina Terhadap Minat Di Kalangan Pelajar Prauniversiti	64
15	Perbezaan Ras Terhadap Minat Pelajar Prauniversiti	65
16	Kumpulan Ras Pelajar	65
17	Perbezaan Status Sosio Ekonomi Terhadap Minat Pelajar Prauniversiti	66
18	Kumpulan Status Sosio Ekonomi Pelajar	66
19	Perbezaan Tempat Tinggal Terhadap Minat Pelajar	67
20	Kekekapan Kesalahan Tatabahasa BM Di Kalangan Pelajar	68
21	Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Karangan Pelajar Berdasarkan Jantina	69
22	Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Berdasarkan Karangan Pelajar Mengikut Ras	69
23	Kekekapan Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Berdasarkan Karangan Pelajar Mengikut Status Sosio Ekonomi	70
24	Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Berdasarkan Karangan Pelajar Mengikut Latar Belakang Tempat Tinggal	71





## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Penguasaan Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar	18
2	Kerangka Teoritikal	48
3	Skala dan Ujian Hipotesis 1	54
4	Skala dan Ujian Hipotesis 2	19
		49
		55
		56



## SENARAI SINGKATAN

bM	:	bahasa Melayu
BM	:	Mata pelajaran Bahasa Melayu
KBSR	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPBM	:	Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu
KBSM	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	:	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
JPWP	:	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
SSE	:	Status Sosio Ekonomi
TLD	:	Teori Linguistik Deskriptif
TLB	:	Teori Linguistik Behaviorisme
TLTG	:	Teori Linguistik Transformasi Generatif
UIA	:	Universiti Islam Antarabangsa
MCE	:	Malaysian Certificate of Education
HSC	:	Higher School Certificate
SM	:	Sekolah Menengah
SMK	:	Sekolah Menengah Kebangsaan
TG	:	Transformasi Generatif
SPSS	:	Statistical Package For The Social Science
x	:	Min
dk	:	Darjah Kebebasan
r	:	Pekali Korelasi
N	:	Bilangan Responden
p	:	Nilai Signifikan
sp	:	Sisihan Piawai



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat UPM  
sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sains

**PENGARUH FAKTOR BUKAN AKADEMIK  
TERHADAP MINAT DAN PENGUASAAN TATABAHASA  
BAHASA MELAYU DI KALANGAN  
PELAJAR PRAUNIVERSITI**

Oleh  
**ABDUL RASHID B. DAING MELEBEK**

April 1997

Pengerusi : Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood  
Fakulti : Fakulti Pengajian Bahasa Moden,  
UPM Serdang.

Kajian ini mengkaji pengaruh faktor bukan akademik terhadap minat dan penguasaan tatabahasa bahasa Melayu di kalangan pelajar prauniversiti. Sebanyak sepuluh buah sekolah di negeri Selangor dipilih secara rawak dan semua pelajar prauniversiti di sekolah tersebut menjadi responden kajian (N=415). Data kajian dikumpul dengan menggunakan tiga kaedah, iaitu Ujian Khas Tatabahasa Bahasa Melayu, Soal Selidik Minat dan Ujian Menulis Karangan. Ujian-t dan ANOVA sehala digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina, ras, Status Sosio Ekonomi (SSE) dan tempat tinggal pelajar terhadap minat dan penguasaan tatabahasa bahasa Melayu. Hasil karangan pelajar dianalisis mengikut bilangan kesalahan aspek-aspek tatabahasa



Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi penguasaan dan minat menguasai tatabahasa. Ras, SSE dan tempat tinggal mempengaruhi penguasaan tatabahasa dan minat menguasai tatabahasa. Analisis kesalahan tatabahasa dalam karangan juga menunjukkan pola yang tertentu mengikut jantina, ras, SSE dan tempat tinggal responden. Terdapat beberapa kajian lepas tidak disokong oleh dapatan kajian ini. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian ini, satu penilaian semula pengaruh faktor bukan akademik perlu dijalankan.

Abstract of thesis presented to the Senate of UPM in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE INFLUENCE OF THE NON-ACADEMIC FACTOR  
TOWARD THE INTEREST AND EMPOWERMENT OF  
MALAY GRAMMAR AMONG PRE-UNIVERSITY STUDENTS**

By  
**ABDUL RASHID B. DAING MELEBEK**

April 1997

Chairman Prof Dr Abdul Hamid Mahmood  
Faculty Faculty of Modern Language Education  
UPM Serdang

This survey is done to find out the influence of the non-academic factor towards the interest and empowerment of Malay language grammar among the preuniversity students. Ten schools in Selangor were chosen at random and all preuniversity student in the school are the respondents for the survey (N=415). Data was collected using three methods namely Malay Grammar Test, Interest Questionnaire and Written Composition Test. T-test and one way ANOVA are used to find out whether there is a significant difference between gender, race, social economic status (SES) and place of residence towards the interest and empowerment of Malay grammar. The product of students' composition are analysed according to the amount of mistakes made grammatically. The findings shows that gender factor does not influence the empowerment and interest in acquiring grammar. Race, SES and place of residence influenced the empowerment and interest in acquiring grammar.



Analysis of grammar error in the composition also shows a certain pattern according to the gender, race, SES and place of residence of the respondents. There are a few previous findings which are not supported by this finding. Therefore, based on this survey another assessment of the influence must be done.



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Latar Belakang**

##### **Bahasa Melayu Dalam Pendidikan**

Bahasa Melayu (bM) dijadikan bahasa kebangsaan negara Malaysia dan ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 cerai (1), berbunyi " ... bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia ialah bahasa Melayu." Sejalan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan satu dasar pendidikan bahasa yang menyeluruh, sesuai dengan keadaan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Langkah pertama ke arah ini ialah menjadikan bM sebagai bahasa penghantar di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi secara berperingkat-peringkat sejak merdeka hinggalah ke hari ini.

Penguasaan yang baik dalam kemahiran berbahasa Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR) akan membantu murid-murid mengikuti pelajaran dengan lebih baik - dan berkesan. Berdasarkan hakikat ini, maka kemahiran berbahasa diberi penekanan yang berat dalam kurikulum sekolah rendah supaya pada akhir persekolahan nanti, murid-murid akan dapat menggunakan bM sejalan dengan peringkat perkembangan umur mereka. Kurikulum BM merangkumi asas berbahasa dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang meliputi aspek mekanis, penggunaan dan penaakulan. Memandangkan bahawa perhubungan di dalam dan di

luar bilik darjah adalah melalui pertuturan dan penulisan, semua murid hendaklah menguasai kemahiran lisan, iaitu mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Pada tahap I, murid-murid dipimpin untuk mendengar, menyebut, mengenal dan membentuk lambang huruf dan perkataan serta menggunakan kemahiran-kemahiran tersebut dalam penulisan. Pada tahap II, penekanan diberi kepada kemahiran belajar melalui pembacaan, perbincangan dan penulisan serta penggunaan bahasa untuk berfikir dan berkomunikasi (Sukatan Pelajaran BM KBSR).

Pengajaran dan pembelajaran bM di sekolah menengah bertujuan membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa setaraf dengan peringkat intelek pelajar di peringkat menengah tinggi dan memupuk daya pengembangan berbahasa bagi kepentingan pendidikan tinggi dan pekerjaan (KPM, 1989:1). Selain itu, pelajar juga akan dapat mencapai pemahaman tentang sistem bahasa, unsur dan nilai yang didukungnya, kecekapan berkomunikasi, melahirkan fikiran dan perasaan, kreatif melalui lisan dan penulisan, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, matlamat utama pendidikan bM sekolah menengah adalah memungkinkan pelajar memahami sistem bM dari aspek bentuk, makna dan fungsinya di samping mempraktikkannya dengan betul dalam kehidupannya kelak.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (SPBM) sekolah menengah telah menyenaraikan kecekapan sebagai asas kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Penekanan terhadap pentingnya tatabahasa ini akan dapat melahirkan pelajar yang telah menguasai kemahiran berbahasa seperti yang dikehendaki setelah tamat menjalani pendidikan formal di sekolah menengah selama 7 tahun.



Walaupun penggunaan bM begitu meluas di dalam dan di luar bilik darjah, tetapi laporan daripada Lembaga Peperiksaan KPM menunjukkan bahawa penguasaan bM di kalangan pelajar masih belum mencapai tahap yang dikehendaki. Kemosotan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dikaitkan dengan kemosotan pelajar menguasai mata pelajaran ini (Omar Mohd. Hashim, 1978:460-461). Kemosotan prestasi pelajar ini dikatakan berpunca daripada kesalahan bahasa dalam aspek kemahiran lisan dan penulisan (Hamdan Abdul Rahman, 1980). Kelemahan pelajar dalam aspek tulisan pula banyak berkisar pada masalah penguasaan ejaan hingga kepada masalah penguasaan morfologi dan sintaksis (Awang Sariyan : 1980).

Kelemahan penguasaan tatabahasa bM di kalangan pelajar Melayu prauniversiti juga ketara. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan KPM, pencapaian pelajar pada peringkat cemerlang atau sekurang-kurangnya kepujian adalah merosot dari semasa ke semasa. Dalam tahun 1980, didapati 5000 pelajar Melayu gagal memperoleh pangkat pertama dalam peperiksaan SPM kerana gagal mendapat kepujian dalam mata pelajaran BM (Abdul Hamid Mahmood, 1982:21). Kelemahan penguasaan bahasa pertama di kalangan pelajar Melayu ini telah membimbangkan semua pihak. Hal ini berlaku juga di kalangan pelajar yang menduduki peperiksaan STPM. Dalam tahun 1990, pencapaian pelajar dalam mata pelajaran BM telah merosot sebanyak 4.4% berbanding tahun sebelumnya. Laporan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP) dalam tahun 1993, calon peperiksaan STPM yang mendapat gred B merosot sebanyak 1.67% dan gred E merosot sebanyak 4.63%.

Analisis kesalahan bahasa bagi mendapat maklumat terperinci tentang penguasaan tatabahasa dan keberkesanan sesuatu pengajaran adalah penting sebagai wahana kajian. Para pengkaji di dalam dan di luar negara telah banyak membuat analisis kesalahan bahasa (terutamanya bahasa Inggeris) di kalangan pelbagai lapisan pelajar. Mereka termasuklah Willing (1926), Stevens, P. P. (1965), Wyatt, V. (1973), Slotnik, H. B. dan Robers, W. T. (1973), Corder, P. (1973), Vougtheires, S. (1974), Tsan-Tui Hang (1974), Sharma (1981), dan banyak lagi.

Pengkaji-pengkaji tempatan yang terlibat dengan usaha mengkaji kesalahan bM termasuklah Sufian Taimon (1968), Alias Shamsuddin (1969), Yap Soon Hock (1973), Omar Mohd. Hashim (1978), Ridhuan Ahmad (1981), Kadir Amin (1981), Raminah Sabran (1983), Koh Boh Boon (1985), Kamarudin Hj. Husin (1986), Ibrahim Ahmad (1989), Abdul Hamid Mahmood (1989), Mohd. Daud Mohd. Yusof (1990), Awang Sariyan (1990) dan lain-lain lagi hingga ke hari ini. Mereka menjalankan analisis kesalahan tatabahasa di kalangan pelajar daripada pelbagai golongan, aspek dan situasi. Walau bagaimanapun, masih belum dapat dirumuskan lagi faktor yang dikatakan menjadi penyebab kepada fenomena ini.

### **Pernyataan Masalah**

Pelajar-pelajar di semua sekolah yang telah dikesan melakukan kesilapan-kesilapan penggunaan bM adalah dalam aspek lisan dan penulisan (Hamdan Abdul Rahman, 1980:48). Kesalahan umum penggunaan bM di kalangan pelajar merupakan masalah pencemaran bahasa yang perlu dibersihkan melalui perancangan pengajaran dan pemelajaran yang lebih berkesan (Nik Safiah Karim, 1980:9).

Pencapaian calon sekolah mengikut mata pelajaran BM dalam peperiksaan STPM 1993 di seluruh negeri Selangor bagi peratusan lulus penuh telah merosot sebanyak 3.02% berbanding pada tahun sebelumnya (MPM,1994). Berdasarkan jumlah 1042 calon yang menduduki peperiksaan ini dalam tahun 1993 berbanding 1264 pada tahun sebelumnya, didapati sebanyak 350 pelajar yang gagal mendapat kelulusan penuh dalam mata pelajaran BM.

Keputusan mata pelajaran BM dalam peperiksaan STPM bagi tahun 1990 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah merosot sebanyak 4.4% berbanding pada tahun sebelumnya. Dalam tahun 1993, jabatan ini telah mendapati berlaku lagi kemerosotan pencapaian pelajar pada peperiksaan yang sama berbanding tahun sebelumnya, iaitu calon yang mendapat gred B merosot sebanyak 1.67% dan gred D merosot sebanyak 4.63%. Masalah kemerosotan pencapaian pelajar ini berlaku pada hampir setiap tahun yang melibatkan mata pelajaran BM. Oleh hal yang demikian, Awang Muhammad Amin (1982:118) mendapati bahawa kekerapan kesalahan ayat yang dilakukan oleh seluruh sampel puratanya adalah sebanyak 7.8%. Muhammad Salehudin Aman (1992:210) telah mengesan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam aspek kata ialah sebanyak 81% daripada 2402 sampel. Bagi kesalahan ejaan pula, Azman Wan Chik (1989:227) telah mendapati sebanyak 56.87% pelajar yang melakukan pelbagai kesilapan BM.

Tatabahasa BM merangkumi aspek sebutan, ejaan, istilah, frasa, klausa dan ayat. Umumnya, sebilangan besar pelajar di sekolah menghadapi masalah dalam penguasaan tatabahasa berdasarkan skrip-skrip jawapan mereka (Abdul Hamid

Mahmood, 1993:104). Penguasaan tatabahasa yang rendah di kalangan pelajar adalah berpunca daripada faktor-faktor kejahilan, gangguan psikologi, pengaruh bahasa asing, budaya bahasa dan sebagainya (Lutfi Abas (1987:109). Oleh hal yang demikian, beberapa pengkaji tempatan telah menjalankan penyelidikan bagi mengesan punca-punca yang mengakibatkan penguasaan tatabahasa yang lemah di kalangan pelajar. Antaranya, termasuklah Azman Wan Chik (1979:209), Mashudi Kadir (1979:59), Mangantar Simanjuntak (1980:16), dan sebagainya. Mereka telah merumuskan permasalahan ini wujud kerana tiada dimasukkan aspek tatabahasa dalam SPBM Tingkatan 6, kekurangan guru khas bM, tiada usaha memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran bM yang lebih berkesan dan penggunaan soalan objektif yang sangat meluas dalam peperiksaan. Sikap pelajar yang menganggap bM adalah mudah menyebabkan tumpuan mereka lebih kepada mata pelajaran yang lain (KPM, 1994). Selain itu, faktor beban tugas guru yang berat dan terdapat ramai guru mata pelajaran lain yang mengajar bM turut menyebabkan fenomena ini terus berlaku. Oleh kerana tiada satupun dapatan kajian yang jelas menunjukkan kemerosotan penguasaan tatabahasa bM di kalangan pelajar ini, maka satu kajian perlu dijalankan.

### **Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu para guru bahasa merancang strategi dan menyediakan suatu bentuk pengajaran bM yang lebih sesuai dan berkesan. Hal ini penting kerana berdasarkan maklumat yang telah dikesan dari kesalahan bahasa pelajar akan dapat dijadikan unsur penting sebagai maklum balas dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Corder, 1973:256). Analisis kesalahan pelajar ini dapat dijadikan panduan oleh guru bagi merangka pelbagai strategi dalam usaha menangani permasalahan yang dihadapi oleh pelajar.

Kajian ini juga sedikit sebanyak dapat membantu para pembuat dasar kurikulum bM di semua peringkat pengajian, terutama sekali bagi pelajar peringkat menengah atas. Selain itu, dapatan kajian ini dijangka akan dapat dijadikan panduan bagi para penyelidik yang berminat menjalankan kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran bM di peringkat prauniversiti.

Selain itu, kajian ini berguna sebagai panduan dan rujukan kepada para penulis, penerbit-penerbit buku teks dan buku-buku rujukan, penggubal-penggubal kurikulum bM, bahagian peperiksaan dan para pencinta bahasa sekalian bagi menghasilkan buku dan memantapkan tahap penggunaan bahasa ini. Melalui kajian tentang penguasaan tatabahasa bM di kalangan pelajar prauniversiti ini, penyelidik dapat meninjau tahap prestasi pelajar dan beberapa lagi permasalahan mereka sebelum menjejakkan kaki ke menara gading. Oleh itu, suatu langkah yang perlu akan dapat dilaksanakan bagi menangani masalah kelemahan pelajar ini terhadap penguasaan tatabahasa bM semasa mereka menuntut di universiti kelak.

## **Objektif Kajian**

### **Objektif Umum**

Kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh jantina, ras, SES dan latar belakang tempat tinggal terhadap penguasaan tatabahasa bM di kalangan pelajar prauniversiti. Selain itu, kajian ini juga akan menjelaskan perkaitan (korelasi) antara pembolehubah-pembolehubah bebas berkenaan.

### **Objektif Khusus**

Objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh jantina, ras, SSE dan latar belakang tempat tinggal terhadap

- 1 penguasaan tatabahasa BM pelajar prauniversiti
- 2 minat pelajar prauniversiti dalam mata pelajaran tatabahasa BM

### **Hipotesis Kajian**

Hipotesis bagi kajian ini ialah

- 1 Terdapat pengaruh jantina, ras, SSE dan latar belakang tempat tinggal terhadap penguasaan tatabahasa BM di kalangan pelajar prauniversiti
- 2 Terdapat pengaruh jantina, ras, SES dan latar belakang tempat tinggal terhadap minat pelajar prauniversiti dalam pelajaran tatabahasa BM
- 3 Terdapat hubungan antara penguasaan pelajar prauniversiti dalam pelajaran tatabahasa BM dengan pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar, iaitu jantina, ras, SES dan latar belakang tempat tinggal pelajar

### **Batasan Kajian**

Kajian tentang penguasaan tatabahasa di kalangan pelajar prauniversiti ini dibataskan di negeri Selangor Darul Ehsan sahaja dan melibatkan 10 buah sekolah

daripada 29 buah sekolah yang mempunyai pelajar Tingkatan Enam. Sekolah-sekolah yang dipilih ini adalah sekolah yang mempunyai kategori yang terkandung dalam penyelidikan ini, iaitu lokasi bandar dan desa dan mempunyai pelajar yang berpendidikan terakhir sebelum menghadapi ambang menara gading. Pemilihan sepuluh buah sekolah ini adalah memadai dengan jumlah sampel kajian sebanyak 377 (Krejcie dan Morgan, 1970).

Jenis-jenis kesalahan umum penggunaan bM yang dikaji ialah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan dan ujian khas tatabahasa dari aspek kesalahan peringkat ejaan, kata, frasa, klausa, ayat, dan wacana. Penyelidik memilih beberapa golongan penulis tempatan berdasarkan aliran masing-masing seperti Za'ba mewakili golongan Tatabahasa Tradisional, Asmah Hj. Omar mewakili golongan Tatabahasa Struktural, dan Nik Safiah Karim, Abdul Hamid Mahmood dan Arbak Othman bagi mewakili golongan Tatabahasa Transformasi Generatif.

### **Definisi Operasional**

Kajian ini menggunakan beberapa istilah yang perlu diberi pengertian supaya konsep yang didukungnya menjadi lebih jelas seperti yang berikut:

#### **Jantina**

Jantina adalah berasal daripada perkataan akronim suku kata awal dari perkataan 'jantan', iaitu 'jan' dan suku kata akhir dari perkataan 'betina', iaitu 'tina'

menjadi jantina. Jantina merujuk kepada jenis kelamin, sama ada lelaki atau perempuan dan khusus bagi manusia sahaja. Dalam kajian ini, sampel akan dipilih secara rawak yang melibatkan pelajar lelaki dan perempuan.

### **Ras**

Ras berasal daripada perkataan Indonesia-Belanda yang bermaksud bangsa atau rumpun bangsa. Ting Chew Peh (1987) menyatakan bahawa kumpulan ras adalah kelompok manusia yang mempunyai persamaan dari segi ciri-ciri fizikal, seperti bentuk kepala, hidung, telinga, mata bibir, dan warna kulit. Ciri yang terakhir, iaitu warna kulit adalah ciri yang paling jelas dan sering digunakan untuk membezakan kumpulan manusia. Di Malaysia terdapat berbagai-bagai ras yang terdiri daripada Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi. Dalam kajian ini, ras pelajar yang dipilih merangkumi semua bangsa yang tinggal di negara ini secara sah menurut Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

### **Status Sosio Ekonomi (SSE)**

SSE bermaksud tahap ekonomi sesuatu bangsa atau keluarga sama ada kaya, kelas menengah, sederhana atau miskin berdasarkan pekerjaan, saiz keluarga, cara hidup dan lokasi tempat tinggal (Nordin Selat, 1976:180). Dalam kajian ini, SSE keluarga pelajar dilihat sama ada mereka berada dalam golongan kaya, sederhana atau miskin. Golongan kaya dianggap berpendapatan melebihi RM 1501 dan ke atas, golongan sederhana berpendapatan antara RM 751 hingga RM 1500 dan miskin berpendapatan kurang dari RM 750.



## **Latar Belakang Tempat Tinggal Pelajar**

Latar belakang tempat tinggal pelajar membawa pengertian kepada lokasi di mana pelajar itu tinggal. Lokasi tempat tinggal pelajar yang menjadi sampel kajian ini dipilih berdasarkan semua aspek, iaitu kawasan bandar raya, bandar, desa, setinggan, kawasan perindustrian, kawasan perikanan, dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, semua kategori tempat tinggal di atas di bahagikan kepada dua kelompok utama, iaitu bandar dan luar bandar.

## **Minat**

Minat bermaksud keinginan atau kecenderungan kepada sesuatu. Dalam kajian ini, minat menjurus kepada keinginan atau kecenderungan pelajar untuk menguasai tatabahasa BM. Tahap minat pelajar dalam penguasaan tatabahasa BM dilihat melalui soal selidik.

## **Penguasaan Tatabahasa**

Penguasaan tatabahasa berhubungkait dengan kesalahan penggunaan bahasa di kalangan pelajar. Menurut Pit Corder (1967:260) kesalahan bahasa adalah ujaran yang menyimpang daripada bentuk-bentuk yang dituturkan oleh penutur jati. Kesalahan bahasa merupakan kesalahan hukum tatabahasa kerana tidak mahir dan kurang pengetahuan tentang tatabahasa itu (Bell, 1981:172). Pengertian ini diperluas lagi oleh Norrish (1983:7) yang menyatakan bahawa kesalahan bahasa sebagai suatu